

18 AUG 2001

Mahathir-dasar/I

TIADA SEBAB NEGARA ISLAM TAK BOLEH MAJU DALAM INDUSTRI, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

SANA'A, 18 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia sedia menunjukkan kepada negara-negara Islam lain bagaimana ia merancang dan melaksanakan dasar perindustriannya supaya mereka juga dapat memantapkan ekonomi masing-masing.

Perdana Menteri berkata dalam memilih untuk menjadi negara perindustrian, negara-negara yang berminat perlu menyediakan undang-undang yang sesuai bagi menjadikannya menarik kepada pelabur tempatan dan asing.

"Ia mungkin memakan masa sedikit tetapi daripada apa yang kita lihat, tidak ada sebab kenapa negara-negara Islam tidak boleh menjadi negara perindustrian," katanya pada sidang media di akhir lawatan empat harinya ke Yemen hari ini. Beliau kemudian berlepas ke Uganda untuk menghadiri dialog mengenai kerjasama negara-negara Afrika.

Katanya Malaysia telah diakui mampu menjadi sebuah negara perindustrian berbanding zaman awalnya iaitu sebagai hanya pengeluar getah dan timah.

Hari ini, 82 peratus daripada eksport Malaysia terdiri barangan pekilangan, kata Dr Mahathir sambil menjelaskan bahawa Malaysia mampu mencapai kejayaan itu sebahagiannya kerana ia berjaya menarik pelabur asing membina kilang di Malaysia.

"Sejak akhir-akhir ini, rakyat Malaysia telah memiliki kemahiran untuk mengeluarkan produk yang canggih untuk dieksport ke seluruh dunia," katanya.

Mengenai lawatannya ke Yemen, Dr Mahathir berkata terdapat ruang untuk kerjasama termasuk dalam industri minyak khususnya di peringkat penapisan.

Kuala Lumpur berminat menjadikan Pelabuhan Aden sebagai pusat pengedaran barangan buatan Malaysia ke kawasan berdekatan seperti di timur Afrika.

"Kami juga berminat membeli produk tertentu dari Yemen seperti kapas. Yang penting ialah mewujudkan hubungan yang baik antara Malaysia dan Yemen," katanya.

Dr Mahathir berkata langkah-langkah konkrit perlu diambil oleh sektor perniagaan di kedua-dua negara untuk mengukuhkan hubungan dagangan dan ekonomi.

Mengenai globalisasi, Dr Mahathir berkata ia boleh membawa kesan buruk kepada negara-negara membangun khususnya daripada segi urusan kewangan.

Banyak negara dan juga badan bukan kerajaan tidak bersetuju dengan globalisasi dan bantahan terhadapnya semakin meningkat, katanya.

"Kita berpendapat kita boleh membantu dalam menentukan bentuk globalisasi supaya ia turut memberi manfaat kepada negara-negara membangun," katanya.

Pada mesyuarat peringkat menteri Pertubuhan Perdagangan Sedunia di Qatar tidak lama lagi, Malaysia akan menjelaskan bahawa ia tidak setuju dengan takrif globalisasi yang dibuat oleh negara-negara maju.

Mengenai satu perkara lain, Dr Mahathir berkata kerajaan Malaysia tidak bimbang pelajar-pelajarnya menuntut di luar negara termasuk di Yemen, kecualilah jika mereka tidak menumpu kepada pelajaran.

"Kita lihat di negara-negara tertentu, pelajar lebih cenderung untuk menentang dan mungkin menjatuhkan kerajaan. Namun, kami dapat menanganinya," kata Perdana Menteri.

Mengenai demokrasi, beliau berkata mereka yang tidak sukakan Malaysia tentunya akan berkata ia sebuah negara tidak demokratik.

Dr Mahathir berkata hakikatnya ialah sejak kemerdekaan, Malaysia

mengendali 10 pilihan raya dan banyak calon pembangkang telah menang malahan dua negeri kini dikuasai oleh mereka.

"Jika kami tidak demokratik, pembangkang tidak akan menang. Pembangkang telah meminta bantuan negara-negara asing tertentu serta media Barat, dan mereka telah membidas kami kononnya kami tidak demokratik.

"Bagi mereka, demokrasi bermakna bahawa setiap kali pilihan raya diadakan, kerajaan perlu ditukar. Bagi kami, demokrasi bermakna semua orang bebas memilih kerajaan. Jika tidak suka kami, pilihlah yang lain," katanya.

Dr Mahathir berkata negara-negara Islam perlu menjadi maju dan kuat serta berpengaruh supaya suara mereka dapat didengar di arena antarabangsa seperti mengenai penindasan terhadap rakyat Palestin.

"Pada ketika itu, jika kita membantah apa yang sedang berlaku kepada rakyat Palestin, kita akan dihormati," katanya.

-- BERNAMA

MAM MAI